



**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR  
MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN UMS  
01 MAC 2005, PERPUSTAKAAN UMS, 08.45 PAGI**

*Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis,*

Yang Berhormat  
Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah

Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Yang Berusaha Puan Che Salmah Mehamood  
Ketua Pustakawan Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan,

Para ensyarah dan kakitangan universiti,

Ahli-Ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMS,

Para pelajar,

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian

*Assalamualaikum W.T.W dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-NYA dapat kita bersama-sama pada Majlis Perasmian Bangunan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah pagi ini.

Bersempena dengan majlis ini juga turut akan diadakan Majlis Pelancaran Buku Pertama Perpustakaan serta Perasmian koleksi terbaru Perpustakaan iaitu Koleksi Perdana.

Dikesempatan awal ini, izinkan saya bagi pihak seluruh warga universiti merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie Mohd Salleh, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di atas kesudian menghadiri majlis ini dan setrusnya merasmikan Bangunan Perpustakaan UMS sebentar lagi.

Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Dato' akan meniupkan lagi semangat seluruh warga universiti ini dan seterusnya melambangkan keprihatinan Yang Berhormat Dato' terhadap kecemerlangan ilmu di universiti ini khasnya dan negara amnya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan selamat datang dan terima kasih di atas kesudian hadir Yang Berbahagia Datuk-Datuk dan hadirin sekalian ke majlis ini.

Sesungguhnya majlis ini merupakan satu lagi sejarah penting dalam usaha memartabatkan ketinggian ilmu di Universiti ini.

***Yang Berhormat Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,***

Izinkan saya di sini untuk mengimbas sepintas lalu sejarah dan kemajuan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah ini.

Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah mula beroperasi sebaik sahaja UMS menerima kemasukan pelajar kumpulan pertamanya seramai 205 pada tahun 1995. Kampus UMS pada masa itu ditumpangkan di bangunan Kolej Komuniti Yayasan Sabah (KKYS) atas ihsan Kerajaan Negeri Sabah pada Ogos 1995. Perpustakaan telah membuka perkhidmatan pertamanya kepada pelajar pada 25 September tahun 1995.

Pada bulan Jun 1996, sekali lagi atas sokongan pihak Kerajaan Negeri Sabah, kampus UKM Cawangan Sabah di Pusat Latihan Telekom, di Jalan Tuaran telah diberikan kepada UMS untuk dijadikan kampus sementara. Di situ, sebuah lagi perpustakaan UMS telah dibuka bagi memberikan perkhidmatan dan menyediakan bahan-bahan bacaan khususnya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan juga IT.

Pada Julai 1997, sistem pengkomputeran bersepodu perpustakaan UMS, iaitu *Virginia Technology Library System* atau singkatannya " VTLS " telah diperkenalkan bagi menyediakan perkhidmatan secara berkomputer kepada pengguna dalam urusan peminjaman dan pemulangan buku, tempahan buku dan juga semakan bahan bacaan.

Walaupun sistem ini diperkenalkan, namun pertambahan pelajar UMS setiap tahun memaksa pihak pengurusan universiti memikirkan alternatif terbaik menyediakan kemudahan perpustakaan yang lebih banyak. Sehingga tahun 1999, iaitu sebelum perpindahan ke kampus induk pada Mei 2000, jumlah pelajar UMS telah meningkat kepada 2,892 orang.

Justeru itu, untuk mengatasi masalah kekurangan rujukan dan bahan bacaan, hubungan kerjasama dengan Perpustakaan Yayasan Sabah telah dibuat bagi membolehkan pelajar UMS pada ketika itu boleh membuat pinjaman buku di Perpusatakaan Yayasan Sabah.

Pada tahun 1999 juga, sebanyak 2 buah cawangan Perpustakaan UMS telah diwujudkan selaras dengan pembukaan Kampus Cawangan UMS , iaitu di Kampus Antarabangsa Labuan dan di Kampus Sandakan.

Pada Mei 2000, UMS telah berpindah sepenuhnya ke kampus induk di mana kita berada sekarang. Namun demikian, di sebabkan bangunan Perpustakaan belum siap sepenuhnya, maka sekali lagi Perpustakaan UMS terpaksa ditumpangkan di 4 buah dewan kuliah bagi menjalankan operasi dan perkhidmatannya.

Alhamdulillah, berkat kesabaran dan ketabahan semua pihak, khususnya para kakitangan Perpustakaan ini, maka pada Oktober 2001 perpusatakan UMS berpindah sepenuhnya ke Bangunan Perpustakaan yang indah seperti mana kita berada sekarang.

Perpindahan buku-buku dan bahan bacaan perpustakaan ini suatu yang amat nostalgik, harmoni dan penuh kemseraan. Ini kerana, proses perpindahan ini dilakukan secara gotong-royong besar-besaran yang melibatkan semua kakitangan dan pelajar UMS pada waktu itu.

Kini, perpusatakan UMS tersgam indah, dengan eluasan lebih kurang 20,000 meter persegi. Ia mampu menempatkan seramai lebih kurang 4,000 orang pengguna dan dilengkapi dengan lebih 200,000 buah buku dan jurnal bercetak, manakala bahan-bahan rujukan lain dalam bentuk multimedia dan elektronik adalah sebanyak 35,000 buah.

Selain itu, Perpustakaan UMS juga telah melanggan lebih daripada 20 buah pangkalan data elektronik dalam berbagai bidang dan disiplin ilmu yang berkaitan di Universiti ini. Sebagai permulaan sebanyak 235 judul buku yang terpilih dalam bentuk "e-books" turut juga disediakan.

Justeru itu, dikesempatan ini, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih pihak-pihak yang saya sebutkan tadi, iaitu Kerajaan Negeri Sabah, Kolej Komuniti Yayasan Sabah, UKM Cawangan Sabah, Pusat Latihan Telekom Jalan Tuaran dan Perpusatakaan Yayasan Sabah, di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan kepada universiti ini.

***Yang Berhormat Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,***

Keindahan dan kecanggihan infrastruktur semata-mata tanpa disusuli dengan kekayaan pengisiannya adalah tidak bermakna. Justeru itu, UMS akan terus mempastikan budaya ilmu di kalangan warga universiti akan terus dipertingkatkan. Dalam hal ini, peranan Perpustakaan sebagai medan ilmu utama amatlah dititikberatkan.

Bahan-bahan bacaan dan rujukan yang lengkap dan terkini akan terus dipertingkatkan bagi membolehkan para pelajar dan juga kakitangan mampu mengakses ilmu sebanyak mungkin. Penyediaan bahan bacaan dan rujukan yang lengkap dan mencukupi ini juga amat penting dalam menjayakan proses pengajaran, penyelidikan dan penerbitan universiti.

Peranan dan tanggungjawab Perpustakaan pada hari ini tidak lagi terbatas kepada penyediaan keperluan bahan-bahan bacaan dan rujukan semata-semata. Ia hendaklah dilihat sebagai "Pusat Pengurusan Ilmu Pengetahuan dan Maklumat" (Knowledge Management Centre) yang mampu mengurus pengetahuan dan maklumat secara cekap, sistematik, berkesan serta berkualiti bersesuaian dengan perkembangan kemajuan teknologi IT dan ICT masa kini.

Ianya amat penting bagi membolehkan pengguna memperolehi pengetahuan serta maklumat secara lebih mudah, cepat, tepat dan interaktif.

***Yang Berhormat Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,***

Akhir kata, sekali lagi, saya bagi pihak universiti merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala sokongan, kerjasama dan keprihatinan Yang Berhormat Dato' melihat pembangunan dan kemajuan di universiti ini.

Untuk itu, saya berkeyakinan halatuju pembangunan UMS masa kini dan masa hadapan tetap berkesinambungan, iaitu untuk mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu yang diiktiraf di peringkat antarabangsa menerusi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, khidmat masyarakat, keseimbangan pengkhususan ilmu dan keperibadian pelajarnya. Perkara inilah yang terkandung dalam misi dan visi UMS.

Sekian. Terima Kasih.